

Headline	UniKL terus rentak cemerlang		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	17 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Sukan	Page No	53
ArticleSize	749 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 38,328		



UniKL terus rentak cemerlang

SKUAD hoki UniKL memulakan saingan Liga Hoki Malaysia (LHM) dengan langkah bergaya apabila menang dua perlawanan awal mereka seterusnya berjaya mendaki tempat teratas liga.

Permulaan cemerlang UniKL itu dengan mengumpul enam mata selepas menumpaskan Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI) 5-0 dan menumpaskan TNB 1-0, kelmarin.

Bagi pengendalinya, Arul Selvaraj, biarpun berjaya berada di kedudukan teratas liga, dia masih belum berpuas hati dengan prestasi anak buahnya.

Menurutnya, perlawanan menentang TNB bukanlah aksi sebenar yang dipamerkan pemain apatah lagi perlu bekerja keras sebelum melakar kemenangan.

"Ia adalah perlawanan sukar dan TNB bermain lebih baik daripada kami. Sepatutnya kita mempunyai tiga atau empat gol lagi.

"Apa pun saya puas hati dengan komitmen, corak pertukaran pemain dan pertukaran posisi antara pemain tengah dan penyerang.

"Satu keputusan yang saya kira agak bemasib baik dan mengharapkan pemain dapat menunjukkan aksi lebih baik dalam perlawanan akan datang," katanya.

Namun, Selvaraj tetap gembira dengan permulaan cemerlang yang dipamerkan pasukan.



Pemain UniKL meraikan jaringan Faridzul untuk kemenangan 1-0 ke atas TNB.

Selvaraj turut berterima kasih dengan dua penjaga golnya iaitu Khairulnizam Ibrahim dan Tomas Santiago yang banyak menyelamatkan percubaan lawan.

"Saya sebenarnya pening kepala untuk memilih penjaga gol yang akan diturunkan tetapi ia sebagai

gambaran persaingan sihat dalam pasukan," katanya.

Gol tunggal perlawanan menentang TNB diperoleh menerusi Faridzul Afiq Mohd hasil jaringan padang pada minit ke-49.

Sementara itu, juara Piala Sumbangsih, Kelab Hoki Kuala

Lumpur (KLHC) meneruskan rentak cemerlang selepas menang 6-1 ke atas Tenaga Nasional Bhd (TNB) Thunderbolts.

KLHC yang masih segar dengan kejayaan mempertahankan Piala Sumbangsih Jumaat lalu, lesesa mendahului 3-0 pada babak



pertama perlawanan menerusi jaringan pemain adik beradik, Meor Muhamad Azuan Hassan dan Muhamad Azri Hassan, masing-masing pada minit ke-14 serta Muhammad Rashid Baharom pada minit ke-28.

Sebaik saja perlawanan bersambung, KLHC menambah dua lagi jaringan menerusi Dedy Aryadi Jumaidi pada minit ke-39 dan Ahmad Kazamirul Nasruddin (minit ke-52) sebelum Muhammad Akhimullah Anuar Esook mengurangkan defisit jaringan untuk TNB Thunderbolts pada minit ke-60.

Mohd Syamim Mohd Yusof melengkapkan kemenangan bergaya KLHC menerusi jaringan pada minit ke-61.

Dalam perlawanan lain, Maybank membenam wakil Johor, Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI) 4-0 pada aksi di Stadium Hoki Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Melaka.

Juara berganda LHM 2016, Pasukan Hoki Terengganu (THHT) berpesta gol selepas menundukkan UITM-KPT 9-0 pada aksi di Stadium Hoki Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

Headline	UniKL terus rentak cemerlang		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	17 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Sukan	Page No	53
ArticleSize	749 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 38,328		



Pemain UniKL diasak pemain TNB dalam aksi kelmarin.



Pemain UniKL mengekang kemaraan pemain lawan.



Ketangkasan penjaga gol UniKL banyak menyelamatkan percubaan lawan.



KLHC turut mencatat kemenangan besar 6-1 ke atas TNB Thunderbolts.



THT melakar kemenangan besar 9-0 ke atas UITM di Kuala Terengganu.